



An-Nasihah

Berpesan-pesan dengan kebenaran & kesabaran

UNTUK SEBARAN UMUM

KELUARAN KE - 6

Sekilas Pandang Antara

Sunnah Nabi

- Makan / minum dalam keadaan duduk menggunakan tangan kanan.
- Makan dimulai dengan basmalah, suapannya kecil.
- Apabila bersin, tutup muka dgn tangan atau baju. Suara dikedilkan. Kemudian ucap 'alhamdulillah'.
- Suka sebarakan salam. Samada kenal/tidak, hatta dengan kanak2 pun Baginda ucapkan salam.
- Suka kepada minyak wangi.
- Sentiasa berwajah manis dengan senyuman.
- Nabi pernah ketawa sehingga menampakkan gigi. Tetapi tidak berdekah-dekah.
 - Tidak pernah berbohong walau dalam jenaka.
 - Merendah diri.
 - Sopan dan malu.
- Tidak berkata kecuali jika perlu.
- Apabila bercakap tentang hal penting, Baginda akan ulangnya 2 / 3 kali.
 - Baginda tidak memalukan orang lain di khalayak umum.

Cinta & Ikut Sunnah Nabi SAW



Apabila tiba bulan Rabi'ul-awwal, di mana-mana pun masyarakat Muslim di seluruh dunia menyambut Maulidur-Rasul. Maulidur-Rasul disambut bagi memperingati tarikh kelahiran insan mulia, iaitu Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama' berkenaan tarikh sebenar kelahiran Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi

wasallam, namun rata-rata masyarakat kita telah menerima bahawa 12 Rabi'ul-awwal merupakan tarikh lahirnya Baginda ke dunia ini.

Di dalam kitab ar-Rahiq al-Makhtum karangan Sheikh Sa-fiyu al-Rahman al-Mubarakfuri menyatakan bahawa tarikh kelahiran Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam adalah pada hari Isnin, 9 Rabi'ul-awwal tahun pertama peristiwa gajah. Ia juga bersamaan 20 atau 22 April 571 (M).

Kelahiran Baginda sallallahu 'alaihi wasallam membawa bersamanya rahmat ke seluruh alam.

Perkara yang lebih utama dari menyambut hari kelahiran Baginda sallallahu 'alaihi wasallam sebenarnya ialah menerapkan rasa cinta kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam. Perkara

ini yang lebih penting. Bahkan, syarak telah menetapkan bahawa mencintai Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam adalah sebahagian daripada kewajipan seorang muslim.

Anas bin Malik radhiAllahu 'anhu berkata bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda yang maksudnya:

"Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mencintainya lebih daripada ibubapa, anaknya dan seluruh ummat manusia." (HR al-Bukhari dan Muslim)

Nabi sallallahu 'alaihi wasallam telah dipilih ALLAH subhanahu wata'ala sebagai Pesuruh dan KekasihNYA. Kita sebagai muslim wajib mencintai insan yang paling dicintai dan diredhai ALLAH ini. Inilah

(Bersambung di muka surat 2)

Ketutamaan Berpegang Teguh Kepada Sunnah Nabi

"Sesungguhnya aku telah tinggalkan di antara kalian sesuatu yang jika kalian **berpegang teguh** dengannya, maka kalian tidak akan tersesat selamanya; iaitu **kitabullah dan sunnah NabiNYA.**"

(Disahihkan oleh Al-Hakim)

"Barangsiapa yang **membenci sunnahku**, maka dia **bukan termasuk golonganku**"

(HR Muttafaqun 'alaih)

"Aku berwasiat kepadamu agar bertakwa kepada Allah 'Azza wajalla, agar mendengar, taat dan patuh meskipun pemimpinmu seorang budak. Barangsiapa hidup panjang umur dari kamu maka dia akan melihat banyak silang-sengketa.

Berpeganglah kepada sunnahku dan sunnah-sunnah khulafaur rasyidin yang mendapat petunjuk dan hidayah (sesudahku). Gigillah kuat-kuat dengan gigi gerahammu."

(HR. Tirmidzi)

Cinta & Ikut Sunnah Nabi SAW

(dari muka surat depan)

peringkat cinta yang tertinggi selepas *kepadanya.*" (al-Ahzab: 56)

Betapa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam telah banyak berkorban dan menghadapi pelbagai dugaan dalam berjuang untuk menyampaikan nikmat ISLAM dan IMAN yang kita perolehi saat ini.

Baginda pernah dipukul, disakiti, dicela, dimaki dan dipulaukan oleh orang yang paling hampir dengannya. Namun, Baginda sallallahu 'alaihi wasallam tetap tidak berganjak dari misi menyampaikan wahyu kepada ummatnya.

Sanggupkah kita melalui perkara yang sama seperti Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam? Banyak benar telah Baginda sallallahu 'alaihi wasallam lakukan untuk kita. Oh, Rasulullah... kami cinta padamu!!!

Kenali Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam

Orang kata, "tak kenal, maka tak cinta". Jadi, untuk menerbitkan rasa cinta, kita perlu menyelidiki sifat peribadi dan sejarah kehidupan Baginda sallallahu 'alaihi wasallam. InshaALLAH, melalui buku-buku, ceramah, kuliah dan lain-lain sumber akan mengenalkan kita kepada insan yang mulia ini, iaitu Nabi sallallahu 'alaihi wasallam.

Dalam ceramah-ceramah sempena MaulidurRasul yang banyak diadakan juga membolehkan kita segar kembali apa yang kita lupa tentang Nabi dan mengambil ilmu dari para penceramah yang 'alim, inshaALLAH.

Bersolawat Ke Atas Nabi


Ummat ISLAM disuruh untuk bersolawat kepada Baginda sallallahu 'alaihi wasallam. Ia adalah bukti asas seseorang itu mencintai Nabi sallallahu 'alaihi wasallam.

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya bersolawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, bersolawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan

"Barangsiapa yang bersolawat ke atasku sekali, nescaya Allah akan bersolawat keatasnya 10 kali ganda" (HR Muslim)

Sentiasalah bersolawat ke atas Nabi sallallahu 'alaihi wasallam. Tatkala lapang atau sibuk, getarkanlah lidah kita dengan bersolawat ke atas Baginda. Solawat iaitu do'a kesejahteraan kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam adalah cara yang paling sesuai untuk kita menerapkan dan menyuburkan rasa cinta kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam.

Solawat Ibrahimiyah iaitu seperti solawat yang dibaca tatkala tasyahud dalam solat sangat disarankan membacanya kerana ia telah diajarkan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam dan dikatakan ia adalah ungkapan solawat yang disukai Nabi sallallahu 'alaihi wasallam.



Ikut dan Hidupkan Sunnah Nabi.

Ungkapan cinta tidak memadai untuk kita menunjukkan rasa cinta kepada Baginda. Malah cinta sahaja tidak mencukupi. Kita mesti menerapkan al-hubbu wa ittiba' iaitu cinta dan ikut. Sebagai seorang muslim sejati, mencintai Nabi sallallahu 'alaihi wasallam perlu disertai dengan ikut sunnah yang Baginda sallallahu 'alaihi wasallam tinggalkan.

Hendaklah kita cuba sedaya upaya untuk mengamalkan segala sunnah Baginda sallallahu 'alaihi wasallam samada dari segi perkataan mahupun amalan. Apa

yang disuruh Baginda sallallahu 'alaihi wasallam hendaklah kita sungguh-sungguh cuba melaksanakannya.

Pada susuk tubuh dan akhlaq Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam terdapat banyak tauladan dan kebaikan yang boleh kita ambil. Firman ALLAH yang maksudnya:

"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah." Surah al-Ahzab: 21.

Hendaklah kita pegang sungguh-sungguh akan sunnah Baginda sallallahu 'alaihi wasallam dan menjadikan ia sebagai pedoman dalam menghadapi cabaran kehidupan. InshaALLAH, dengan mengikut sunnah kita akan selamat.

Segala pesanan dan perintah Nabi sallallahu 'alaihi wasallam wajib untuk kita ta'at dan amalkan. Perintah, pesanan dan nasihat Baginda s.a.w boleh kita ikuti melalui pembacaan buku-buku hadith yang banyak di pasaran. Cara Baginda s.a.w bercakap, berjalan, makan, minum, bergurau, gelak, berpakaian, berniaga, berjiran, bermasyarakat, berumah tangga, bernegara dan sebagainya wajar diambil untuk diamalkan di dalam kehidupan kita.

Nescaya, hidup kita akan sejahtera, berkat dan lebih bermakna sekiranya sunnah-sunnah Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam diamalkan dalam kehidupan seharian.

Mudah-mudahan MaulidurRasul yang ramai di kalangan kita raikan ini dapat membuka minda dan mencetus keazaman untuk mencintai dan mengikut sunnah Nabi sallallahu 'alaihi wasallam. Semoga kita semua tergolong dalam kalangan ummat Baginda s.a.w yang beruntung dan diberi syafaat di akhirat kelak, amin.

*Disunting/diringkaskan dari: <http://muzir.wordpress.com/2009/03/14/cinta-dan-ikut-rasulullah-sallallahu-alaihi-wasallam/>